



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT (KPWKM)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) melalui Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) (jika berkaitan) oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan yang masih sah tempohnya **dalam gred, kategori dan bidang pengkhususan seperti ditetapkan mengikut sebut harga seperti jadual di bawah (pihak syarikat hendaklah membawa sijil pendaftaran asal dan salinan semasa taklimat dan lawatan tapak):**

NO SEBUT HARGA / PERIHAL KERJA	GRED/ PENGKHUSUSAN/ TARAF	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
<b>KPWKM:SH(K)/09/2018</b>  KERJA-KERJA NAIKTARAF DI SEKOLAH TUNAS BAKTI TELOK AIR TAWAR UNTUK MENJADI PUSAT BERTAULIAH DAN PUSAT LATIHAN SISTEM DUAL NASIONAL (SLDN)	<b><u>Gred:</u></b> G2  <b><u>Kategori:</u></b> B & CE  <b><u>Pengkhususan:</u></b> B04, B24 & CE21	<b><u>Tarikh:</u></b> 13/09/2018 (Khamis)  <b><u>Masa:</u></b> 10.00 pagi  <b><u>Lokasi:</u></b> Bilik Mesyuarat STB Telok Air Tawar	Tempoh Pembelian Dokumen : <b>13 September 2018 (jam 2 petang) hingga 20 September 2018</b>	<b>RM50.00</b>  (Tidak akan dikembalikan)	<b>27 September 2018</b> (Khamis)  Sebelum jam 12 tengah hari.
<b>KPWKM:SH(K)/08/2018</b>  KERJA-KERJA NAIKTARAF DI SEKOLAH TUNAS BAKTI TAIPING UNTUK MENJADI PUSAT BERTAULIAH DAN PUSAT LATIHAN SISTEM DUAL NASIONAL (SLDN)	<b><u>Gred:</u></b> G2  <b><u>Kategori:</u></b> B & CE  <b><u>Pengkhususan:</u></b> B04, B24 & CE21	<b><u>Tarikh:</u></b> 14/09/2018 (Jumaat)  <b><u>Masa:</u></b> 10.00 pagi  <b><u>Lokasi:</u></b> Bilik Mesyuarat STB Taiping	Tempoh Pembelian Dokumen : <b>14 September 2018 (jam 3 petang) hingga 21 September 2018</b>	<b>RM50.00</b>  (Tidak akan dikembalikan)	<b>28 September 2018</b> (Jumaat)  Sebelum jam 12 tengah hari.

2. Penama syarikat **DIWAJIBKAN** hadir ke taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan seperti ketetapan jadual di atas. Syarikat **tidak dibenarkan menghantar wakil selain daripada penama dalam Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan/sijil SPKK** untuk menghadiri taklimat.
3. Dokumen sebut harga **boleh disemak dan dibeli oleh wakil syarikat yang telah hadir ke taklimat yang ditetapkan di Bahagian Kewangan, KPWKM Aras 33, No. 55 Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang** seperti tempoh ditetapkan dalam jadual di atas.

4. Bayaran Dokumen Sebut harga adalah **dalam bentuk bank draf sahaja atas nama penuh “Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat”**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
5. Semua dokumen sebut harga yang telah lengkap **hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bahagian atas di penjuru kiri sampul hendaklah dituliskan nombor dan tajuk sebut harga serta dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Kewangan, KPWKM Aras 33, No. 55 Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya sebelum tarikh tutup sebut harga seperti yang ditetapkan dalam jadual di atas. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**
6. Sekiranya memerlukan maklumat lanjut bolehlah menghubungi wakil Bahagian Pembangunan, KPWKM Seperti berikut:
  - a) Cik Rosnani binti Kusairi      03-83232554  
Juruukur Bahan
  - b) En. Mohd Izwan bin Ahmad      03-83231242  
Penolong Jurutera